



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

CABUTAN UNDI 116 KERJA PENYENGGARAAN JALAN ZON TENGAH/TIMUR BERNILAI RM48.21 JUTA UNTUK KONTRAKTOR KECIL BUMIPUTERA G1-G4

KUALA LUMPUR – YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya hari ini telah menyaksikan dan seterusnya turut membuat cabutan undi bagi Program Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia - Zon Tengah dan Timur Tahun 2024. Program Penyenggaraan ini terbahagi kepada dua iaitu Penyenggaraan Berkala Pavemen (BP) dan Berkala Bukan Pavemen (BBP) yang melibatkan kerja-kerja di negeri Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

2. Pelantikan kontraktor secara cabutan undi ini dikhususkan kepada Kontraktor Bumiputera Gred G1 – G4 yang layak sama ada dari segi rekod prestasi serta mempunyai pendaftaran lesen yang masih sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB), dan berdaftar mengikut had nilai kerja yang disenaraikan.

3. Kerja-kerja penyenggaraan di empat negeri tersebut adalah melalui syarikat Roadcare (M) Sdn. Bhd. yang telah dilantik sebagai syarikat konsesi yang bertanggungjawab untuk menyenggara Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia di Zon Tengah dan Timur. Tender untuk kerja-kerja ini telah diiklankan melalui media sosial dan pendaftaran telah dilakukan secara atas talian (online) di portal syarikat Roadcare dan telah menyenarai pendek sejumlah 7,458 penyertaan daripada kontraktor-kontraktor yang berminat. Cabutan undi ini akan dikelolakan oleh Jawatankuasa Cabutan Undi (JCU) yang terdiri daripada pegawai syarikat Konsesi dan juga wakil kerajaan.

4. Pada bulan Ogos 2024, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Kementerian Ekonomi telah meluluskan peruntukan tambahan penyenggaraan jalan persekutuan seluruh Semenanjung Malaysia bagi memperkasa Kontraktor Bumiputera G1-G4. Jumlah kerja yang diluluskan adalah bernilai RM100 juta (280 kerja penyenggaraan) dengan pecahan RM70 juta untuk Berkala Pavemen (79 kerja penyenggaraan) dan RM30 juta untuk Berkala Bukan Pavemen (201 kerja penyenggaraan).

5. Bagi Zon Tengah dan Timur, sebanyak **32 kerja Berkala Pavemen bernilai RM34.86 juta** ditawarkan dengan Selangor 10 kerja (RM10.6 juta), Pahang 10 kerja (RM12 juta), Terengganu 5 kerja (RM5.5 juta) dan Kelantan 7 kerja (RM6.76 juta). Kerja-kerja penyenggaraan jalan Berkala Pavemen melibatkan kerja pembaikan turapan dan struktur jalan yang rosak menggunakan pelbagai teknik yang bertepatan dengan jenis kerosakan seperti *mill & pave*, *overlay*, pembinaan semula struktur jalan (reconstruction) dan menurap semula turapan jalan.

6. Manakala bagi **Berkala Bukan Pavemen**, sebanyak **84 kerja bernilai RM13.35 juta** ditawarkan. Pecahannya ialah Selangor 23 kerja (RM2.18 juta), Pahang 34 kerja (RM6 juta), Terengganu 16 kerja (RM2.1 juta) dan Kelantan 11 kerja (RM3.07 juta). Penyenggaraan Berkala Bukan Pavemen melibatkan kerja-kerja pembaikan aset-aset jalan selain daripada struktur dan turapan jalan seperti mengecat garisan jalan, penyenggaraan jambatan, membaiki longkang, membaik pulih papan tanda, membaiki penghadang jalan dan sebagainya.

7. Jabatan Kerja Raya (JKR) akan memantau kualiti kerja serta menilai prestasi setiap kontraktor dan penilaian tersebut akan dijadikan asas sama ada kontraktor berkenaan layak untuk dipertimbangkan dalam proses pemberian kerja di masa hadapan.

8. Kementerian Kerja Raya (KKR) berharap agar semua kontraktor yang terpilih melalui cabutan undi ini akan memberikan penekanan kepada aspek mutu kualiti terutama dari segi mengikuti spesifikasi standard yang ditetapkan, kos dan masa, serta mengutamakan keselamatan di kawasan kerja. KKR melalui JKR tidak akan berkompromi terhadap isu-isu berkaitan kualiti kerja pembinaan dan penyenggaraan dalam memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya sentiasa diutamakan selaras dengan hasrat Program MYJalan KKR.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
29 OGOS 2024